



11 Palapes terima anugerah

Naib Canselor harap pegawai muda beri contoh kepimpinan terbaik

NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUTRAJAYA – Seramai 11 pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Putra Malaysia (UPM) dianugerahkan kadet terbaik kategori masing-masing daripada Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Majlis Santapan Malam Rejimental 2010 baru-baru ini.

Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan (Kategori Tentera Darat) dianugerahkan kepada Leftenan Muda Mohd Faizan Zolkifli dan Pegawai Kadet Kanan Terbaik Keseluruhan (Kategori Tentera Laut), Leftenan Muda Norashikin Anjur.

Bagi Kategori Tentera Darat, Pegawai Kadet Lelaki Terbaik dianugerahkan kepada Leftenan Muda Yuslan Yusoff; Pegawai Kadet Terbaik Wanita Terbaik; Leftenan Muda Siti Khairiyah Hussin; Pegawai Kadet Akademik Terbaik, Leftenan Muda Siti Norafidah Mahussin; Pegawai Kadet Pengajian Tentera Terbaik, Leftenan Muda Mohd Hafizan Md Yusoff; Penembak Terbaik, Leftenan



■ Sultan Sharafuddin menganugerahkan Leftenan Mohd Faizan Zolkifli sebagai Kadet Terbaik Keseluruhan (Kategori Tentera Darat).

Muda Mohammad Fakhri Hanif Johari dan Pegawai Kadet Kawat Terbaik. Leftenan Muda Mohd Zuriman Zakaria.

Untuk Kategori Tentera Laut, Pegawai Kadet Kanan Lelaki Terbaik ialah Leftenan Muda Veillinrin Suresh Savunthi Pandiyan; Pegawai Kadet Kanan Wanita Terbaik, Leftenan Muda Siti Asmdia Md Ra-

him dan Pegawai Kadet Kanan Akademik Terbaik, Leftenan Muda Tea Boon Chian.

Majlis tahunan adalah sempena Istiadat Pentaiahlan Diraja Pegawai Kadet Palapes UPM Ambilan Ke-29 (Darat) dan Ambilan Ke-4 (Laut) yang berjaya menjalani latihan.

Pada majlis itu, Majalah Gemper Edisi Ke-18 sesi 2009/2010 yang



■ Sultan Sharafuddin melancarkan majalah Gemper Edisi Ke-18 sambil diperhatikan Prof Dr Nik Mustapha (tengah).

memaparkan profil dan aktiviti tahunan Palapes UPM turut dilancarkan Sultan Sharafuddin.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha R Abdullah berharap pegawai muda Palapes UPM memberikan contoh kepimpinan terbaik dalam tentera bagi meningkatkan kredibiliti graduan UPM.

"Jadikan diri anda sebagai contoh teladan sebagai yang terbaik," katanya.

Terdahulu, Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenaan mentauliahkan seramai 70 pegawai kadet Palapes UPM bagi Kategori Tentera Darat dan Kategori Tentera Laut di Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.